



Bersama
SALIHIN ABANG
CA (M), CFP, ATII, B.ACC (IUM)
Asna Tax Services
Sdn Bhd
www.salihin.com.my



SOROTAN BAJET CUKAI 2011

BAHAGIAN 1

BAJET 2011 adalah merupakan topik yang sering dibincangkan bagi setiap rakyat untuk melihat sejauh mana visi dan misi kerajaan Malaysia terlaksana. Setiap individu akan melihat kesan bajet tersebut daripada perspektif yang berbeza sama ada memberikan impak yang ketara terhadap mereka. Dalam artikel kali ini kita akan membincangkan intipati Bajet 2011 dari sudut percukaian. Kerajaan telah mengambil beberapa langkah proaktif bagi memastikan negara mencapai satu tahap yang membanggakan dari segi ekonomi, sosial, hubungan antara-bangsa dan sebagainya.

Sehubungan itu, Bajet 2011 memberikan tumpuan yang lebih khusus dalam usaha mentransformasikan Malaysia kepada sebuah negara maju, berpembangunan inklusif dengan pertumbuhan mapan diterajui sektor swasta serta mendahulukan rakyat di bawah konsep perpaduan 1Malaysia. Tumpuan Bajet 2011 adalah kepada empat strategi utama berikut:-

- Mendaya Kembali Pelaburan Swasta;
- Membangunkan Modal Insan;
- Mensejahterakan Hidup Rakyat; dan
- Memantapkan Penyampaian Perkhidmatan Awam.

Selari dengan strategi utama tersebut, terdapat beberapa perubahan dan galakan berkaitan percukaian yang telah dibentangkan dalam bajet tersebut. Ringkasan perubahan dan galakan tersebut adalah seperti berikut:-

Penerbitan Sekuriti Islam

Bagi mempromosikan Malaysia sebagai pusat kewangan Islam antarabangsa, kelayakan potongan cukai tersebut telah diperluaskan kepada perbelanjaan penerbitan Sekuriti Islam di bawah Prinsip Murabahah dan Bai' Bithaman Ajil

berasaskan tawarruq. Galakan ini bermula Tahun Taksiran 2011 hingga 2015.

Premium Insurans Kredit Eksport

Potongan cukai dua kali telah diberikan bermula Tahun Taksiran 2011 kepada bayaran premium insurans kredit eksport berasaskan konsep takaful. Premium tersebut perlu dibeli daripada syarikat pengendali takaful yang diluluskan oleh Menteri Kewangan.

Penjanaan Tenaga

a. Syarikat yang menjana tenaga daripada sumber yang boleh diperbaharui:

- i. Taraf Perintis (TP) dengan pengecualian cukai pendapatan sebanyak 100 peratus ke atas pendapatan statutori selama 10 tahun; atau
- ii. Elaun Cukai Pelaburan (ECP) sebanyak 100 peratus ke atas perbelanjaan modal yang layak yang dilakukan dalam tempoh lima tahun. Elaun dibenarkan ditolak sehingga 100 peratus daripada pendapatan statutori bagi setiap tahun taksiran;

DAN

- iii. Pengecualian duti import dan cukai jualan ke atas peralatan yang digunakan untuk menjana tenaga yang tidak dikeluarkan dalam negara dan pengecualian cukai jualan ke atas peralatan yang dibeli daripada pengeluar tempatan.

b. Syarikat yang menjana tenaga daripada sumber yang boleh diperbaharui untuk kegunaan sendiri:

- i. ECP sebanyak 100 peratus ke atas perbelanjaan modal yang layak yang dilakukan dalam tempoh

- lima tahun. Elaun dibenarkan ditolak sehingga 100 peratus daripada pendapatan statutori bagi setiap tahun taksiran; dan
- ii. Pengecualian duti import dan cukai jualan ke atas peralatan yang digunakan untuk menjana tenaga yang tidak dikeluarkan dalam negara dan pengecualian cukai jualan ke atas peralatan yang dibeli daripada pengeluar tempatan.
- c. Syarikat bukan menjana tenaga yang mengimport atau memperoleh peralatan menjana tenaga daripada sumber yang boleh diperbaharui untuk kegunaan pihak ketiga:
- i. Pengecualian duti import dan cukai jualan ke atas peralatan sistem solar fotovoltaik untuk kegunaan pihak ketiga diberi kepada pengimport termasuk penyedia perkhidmatan fotovoltaik yang diluluskan oleh Suruhanjaya Tenaga; dan
 - ii. Pengecualian cukai jualan diberi ke atas pembelian peralatan sistem pemanasan solar daripada pengeluar tempatan.

Tempoh permohonan yang diterima oleh Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) bagi galakan a dan b telah dilanjutkan kepada 31 Disember 2015. Bagi galakan c, tempoh permohonan diterima adalah sehingga 31 Disember 2012.

Penjimatan Tenaga

- a. Syarikat yang memberikan perkhidmatan tenaga:
 - i. TP dengan pengecualian cukai pendapatan sebanyak 100 peratus ke atas pendapatan statutori selama 10 tahun; atau
 - ii. ECP sebanyak 100 peratus ke atas perbelanjaan modal yang layak yang dilakukan dalam tempoh lima tahun. Elaun dibenarkan ditolak sehingga 100 peratus daripada pendapatan statutori bagi setiap tahun taksiran;
- DAN
- iii. Pengecualian duti import dan cukai jualan ke atas peralatan penjimatan tenaga yang tidak dikeluarkan dalam negara dan pengecualian cukai jualan ke atas peralatan yang dibeli daripada pengeluar tempatan.
- b. Syarikat yang melakukan perbelanjaan modal bagi tujuan penjimatan tenaga untuk kegunaan sendiri:
 - i. ECP sebanyak 100 peratus ke atas perbelanjaan modal yang layak yang dilakukan dalam tempoh lima tahun. Elaun dibenarkan ditolak sehingga 100 peratus daripada pendapatan statutori bagi setiap tahun taksiran;
 - ii. Pengecualian duti import dan cukai jualan ke atas peralatan penjimatan tenaga yang tidak dikeluarkan dalam negara dan pengecualian cukai jualan ke

atas peralatan yang dibeli daripada pengeluar tempatan.


- c. Syarikat yang mengimport peralatan Elektrik & Elektronik (EE) atau membelinya daripada pengeluar tempatan untuk kegunaan pihak ketiga:
 - i. Pengecualian duti import dan cukai jualan diberi ke atas peralatan EE seperti *high efficiency motors* dan *insulation materials* kepada pengimport termasuk agen yang diiktiraf yang diluluskan oleh Suruhanjaya Tenaga; dan
 - ii. Pengecualian cukai jualan diberi ke atas pembelian barangan pengguna EE seperti peti sejuk, alat penyaman udara, lampu, kipas angin dan televisyen yang dikeluarkan oleh pengeluar tempatan.

Tempoh permohonan yang diterima oleh Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) bagi galakan a dan b telah dilanjutkan kepada 31 Disember 2015. Bagi galakan c, tempoh permohonan diterima adalah sehingga 31 Disember 2012.

Pengurangan Cas Rumah Hijau

Tempoh pengecualian cukai pendapatan ke atas jualan Certified Emission Reductions (CERs) bagi sesebuah syarikat untuk membuat pelaburan dalam 'projek mekanisme pembangunan bersih' telah dilanjutkan bermula Tahun Taksiran 2008 hingga 2012.

Kereta Hibrid

Pengecualian duti import dan duti eksais sepenuhnya diberi ke atas kereta hibrid *completely-built-up* (CBU) baru. Galakan ini telah diperluaskan kepada kereta elektrik serta motosikal hibrid dan elektrik. Galakan tersebut adalah bagi permohonan yang diterima oleh Kementerian Kewangan bermula 30 Ogos 2008 hingga 31 Disember 2010. Lanjutan galakan tersebut berkuatkuasa bermula 1 Januari 2011 hingga 31 Disember 2011. 

PERCUMA!

KLINIK CUKAI

Walk-in Consultation (setiap Jumaat)

• 9.00 pagi – 12.00 tengahari

• 2.00 petang – 5.00 petang

atau email:

info@salihin.com.my (24 jam)

Sila hubungi untuk temujanji anda

di talian 603 61874678 atau email kami sekarang!!

** Tertakluk kepada terma dan syarat

Salihin Abang berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dari Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia (UIAM). Beliau merupakan ahli kepada beberapa badan profesional yang berkaitan perakaunan dan percukaian seperti Malaysia Institute of Accountant (MIA), Malaysia Institute of Taxation (MIT) dan Malaysia Association of Financial Planning. Kini merupakan rakan kongsi di firma audit Salihin & Associates, firma audit yang beliau tubuhkan pada tahun 2002.